



# HEALTH CARE PHARMACY SDN. BHD.



DI SEDIAKAN UNTUK:




ENCIK KHAIRUL ANWAR SUBARI



DI SEDIAKAN OLEH:

NOR ELLYANA ILLYAS  
FAZARIANA ABDUL KADIR



95695461  
95575423



NORLIYA HASHAN  
FARMIZIANA HAMZAH

95349455  
95707861

DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES 5 E



**ISI KANDUNGAN**

	Muka surat
➤ SEKAPUR SIRIH	1
➤ PENGHARGAAN	2
➤ SURAT PENYERAHAN	3
➤ PENGENALAN	5
➤ TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	6
➤ LATAR BELAKANG SYARIKAT	7
➤ LOGO SYARIKAT	8
➤ LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	10
➤ RANCANGAN PENTADBIRAN	16
➤ RANCANGAN PEMASARAN	40
➤ RANCANGAN OPERASI	56
➤ RANCANGAN KEWANGAN	79
➤ RUMUSAN	97
➤ LAMPIRAN	

## PENGENALAN

Dewasa ini, Malaysia semakin pesat membangun dan menuju ke arah era Wawasan 2020, dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan. Dengan adanya sokongan yang kukuh dan galakan dari kerajaan akan dapat menggalakkan bumiputra khususnya dan penduduk Malaysia amnya lebih cenderung menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Berbekalkan semangat dan keazaman untuk meningkatkan taraf hidup dan kesihatan penduduk Malaysia, kami dengan bilangan rakan kongsi seramai empat orang bertekad untuk menceburi dan sentiasa berusaha untuk memberikan hanya yang terbaik kepada pelanggan kami, maka tertubuhlah sebuah organisasi farmasi bergerak. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan iaitu Dasar Kependudukan 1.7 juta menjelang tahun 2020 nanti, di mana taraf kesihatan setiap penduduk Malaysia adalah tinggi. Secara tidak langsung, dasar ini dapat membantu kami dalam mencapai objektif perniagaan kami dengan permintaan semasa.

Memandangkan di Malaysia masih belum ramai usahawan yang menceburi perniagaan perkhidmatan farmasi bergerak. Kami memberikan perkhidmatan ini bagi memudahkan penduduk di kawasan luar bandar serta orang ramai yang tidak mempunyai masa untuk ke farmasi memandangkan kesibukan kerja seperti surirumah.

Health Care Pharmacy Sdn. Bhd. beribupejabat di HEALTH CARE PHARMACY SDN. BHD. No.1, Jalan Indera Kayangan, Kangar, Perlis. Wawasan tersebut dilihat sebagai tapak organisasi kerana kedudukannya yang strategik dan ia merupakan pusat bandar bagi negeri Perlis. Oleh itu, kami berpendapat tempat ini paling sesuai kerana ia dilengkapi dengan segala prasarana seperti bekalan air dan elektrik, sistem perhubungan dan sebagainya.

Health Care Pharmacy Sdn. Bhd. telah bersetuju bahawa perniagaan ini bermula pada 1hb. Januari 2000. Perasmian pembukaan syarikat akan dilakukan oleh Menteri Besar Perlis, Datuk Shahidan Kassim.

## **TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Tujuan utama Rancangan Perniagaan ini di sediakan ialah :-

- Untuk memberi peluang kepada usahawan melihat dan menilai item projek perniagaan dengan teliti, objektif dan kritikal dan juga praktikal.
- Menilai samada perniagaan ini berdaya maju atau tidak.
- Sekaligus, ia dapat digunakan sebagai garis panduan kepada kami menggunakan perniagaan supaya lebih licin, teratur dan sistematik.
- Menyedarkan usahawan akan masalah-masalah yang mungkin timbul dalam melaksanakan projek perniagaan itu.
- Dengan terhasilnya Rancangan Perniagaan ini, sumber-sumber perniagaan juga dapat diagihkan dan digunakan dengan lebih teratur dan sistematik tanpa berlaku sebarang penyelewengan atau pembaziran.

**LATAR BELAKANG PERNIAGAAN**

## LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	: Health Care Pharmacy Sdn. Bhd.
Bentuk Perniagaan	: Farmasi bergerak
Alamat perniagaan	: No. 1 Jalan Indera Kayangan 01000 Kangar Perlis
No. Telefon	: Dalam proses
Tarikh Memulakan Perniagaan	: 1hb. Januari 2000
Tarikh pendaftaran	: Dalam proses
No. Pendaftaran	: Dalam proses
Modal Permulaan	: RM 90 000
Nama Bank	: Bank Bumiputra (M'sia) Berhad
No. Akaun Bank	: Dalam proses